

# Falsafah dan Kebudayaan

## Membina Keyakinan dalam Hidup

Huraian ini saya mulai dengan menyebutkan firman Allah *Ta ’ālā* dalam kitab suci al-Qur’ān, yang bermaksud:

“Sembahlah Tuhan engkau hingga datang kepadamu keyakinan”.

Dari firman ini dapat kita menarik kesimpulan bahawa:

1. Keyakinan kepada Allah itu tidaklah mudah timbul sebagaimana yang disangka orang.
2. Keyakinan kepada Allah itu hanya akan timbul dengan menyembah Allah, mengabdikan diri kepada-Nya.
3. Keyakinan kepada Allah itu hanya akan timbul bila kita terus-menerus dengan tidak berhenti-hentinya menyembah Allah.

(oleh: Dr Haji Ali Akbar)

Ada orang mengatakan bahawa dia baharu akan menyembah

17 kali kita mengulangi rakaat yang sama,

Allah bila dia telah yakin dengan sendirinya. Pendirian

terdiri dari berdiri lurus, rukuk, bangkit

semacam ini berlawanan dengan firman Allah tadi, dan

dari rukuk, sujud, duduk di antara dua sujud dan

pendirian semacam ini tidak akan dapat menimbulkan

kembali sujud.

keyakinan yang dikehendaki oleh Allah *subḥānahu wa ta’ālā*.

68 kali kita mengulangi membaca *Allāhu akbar*.

Jalan yang utama untuk menumbuhkan keyakinan

5 kali kita mengulangi membaca:

ialah sembahyang, satu-satunya kewajipan yang diletakkan Allah

*Inna ṣalātī wa nusukī wa mahyāya wa mamātī lillāhi rabbi*

kepada umat Islam tatkala Nabī Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ălihi*

*al-‘ālamīn*. (Sesungguhnya sembahyangku, usahaku,

*wasallam* datang mengadap ke hadrat Allah ‘azza wa jalla pada malam

hidupku dan matiku ialah untuk Allah Tuhan

*mi ‘rāj* sebagaimana yang telah diketahui.

semesta alam).

Kita disuruh mengerjakan sembahyang lima kali

Kalau betul-betul kita melaksanakan sembahyang ini

sehari semalam, dengan mengulang-ulangi tatatertib yang sama,

dengan sebaik-baiknya, dengan hati yang khusyuk, dengan

mengulang-ulangi bacaan yang sama.

sedar akan apa yang kita ulang-ulangi mengucapkannya, maka tak dapat tidak orang yang sembahyang ini akan tumbuh keyakinan padanya bahawa: Allah itu Maha Besar.

Sembahyangnya, usaha, hidup dan matinya ialah untuk Allah semata-mata. Dan tak dapat tidak orang yang sembahyang ini akan menjadi orang yang baik budi pekertinya dan baik ucapannya, kerana hidupnya dari pagi sampai malam, selalu dikelilingi oleh keyakinan tempat kedudukannya sebagaimana firman Allah *Ta ’ālā*:

*Inna al-ṣalāta tanhā ‘an al-faḥshā’i wa al-munkar.*

(Sesungguhnya sembahyang itu mencegah orang dari kejahanan dan kerosakan).

Dilihat dari sudut pendidikan maka sembahyang ini mempunyai nilai yang tinggi, kerana pendidikan dasarnya ialah: Mengulang-ulangi memperdengarkan nasihat, yang baik-baik, mengulang-ulangi memperlihatkan perbuatan yang baik, mengulang-ulangi melarang yang salah, baik ucapan maupun perbuatan.

### Contoh

Seorang ibu dengan sedar, atau tidak sedar, mendidik anaknya dengan mengulang-ulangi suruhan yang baik, dan mengulang-ulangi larangan yang salah, dengan tidak jemu-jemunya, sehingga si anak itu lambat-laun, merasakan mana yang boleh dikerjakannya dan mana yang harus ditinggalkannya, iaitu perasaan yang beransur-ansur menjadi keyakinan, keyakinan yang menjadi bawaan hari-hari, sehingga tidak lagi dapat ditinggalkannya.

Guru di sekolah mendidik anak-anak kita juga dengan dasar mengulangi tunjuk ajar yang baik, dan

mengulang-ulangi larangan yang salah, baik yang berupa ucapan mahupun yang berupa perbuatan.

Pemimpin suatu bangsa bila hendak menjadikan bangsanya besar dan kuat, maka dia memerintahkan di mana-mana, mulai dari sekolah rendah, sampai ke sekolah tinggi, mulai pada orang biasa, sampai kepada orang terpelajar, supaya mereka mengulang-ulangi ucapan bahawa mereka ialah bangsa yang kuat dan mulia sekali di dunia ini, dan mereka lah yang layak memimpin dunia.

Demikian yang dilakukan oleh Hitler, Mussolini dan Jepun, dengan cara yang teratur dan terus-menerus sehingga lama-kelamaan tumbuhlah keyakinan pada bangsa-bangsa itu, bahawa memang mereka betul-betul bangsa yang mulia dan kuat.

### Buku-buku untuk umum dan sekolah-sekolah:

1. Pelajaran Sembahyang I	\$ 1.20
2. “ “ II mengenai imam, makmum, <i>masbūq</i> , jenarah <sup>1</sup> dan lain-lain	\$ 1.20
3. Mari Sembahyang (untuk kanak-kanak lelaki)	\$ 1.20
4. Mari Sembahyang (untuk kanak-kanak perempuan)	\$ 1.20
5. Ibadat Rasulullah (SAW) (tinggal sedikit)	\$ 3.00
6. Panduan Membaca dan Menulis Jawi	\$ 1.50
7. Baca 1	\$ 1.00

### Buku-buku sejarah:

1. Muhammad ṣallā Allāh ‘alayhi wasallam	1	\$ 1.20
2. “ “ “ “ “ “ 2		\$ 1.20

<sup>1</sup>jenazah

Sebaliknya untuk melemahkan suatu umat yang dijajah, si penjajah pun melakukan cara yang seperti ini juga, iaitu mengulang-ulangi memperingati bangsa yang dijajah itu dengan cara yang teratur dan terus-menerus, bahawa mereka ialah bangsa yang rendah dan bodoh.

Pendek kata, bila seseorang hendak menumbuhkan sesuatu keyakinan dalam hatinya maka mestilah dia mengulang-ulangi apa yang hendak menjadi keyakinannya itu.

Jadi bila seseorang Muslim betul-betul hendak menjadi orang yang betul yakin kepada Allah *subḥānahu wa ta’ālā*, maka Allah telah menunjukkan jalan kepadanya, iaitu tetap mengerjakan sembahyang lima kali sehari semalam sampai matinya.

Sebagaimana dalam pendidikan, maka pendidikan itu hendaklah dimulai semenjak kecil lagi, begitu pula dalam keyakinan kepada Tuhan, hendaklah dimulai semenjak dari kecil juga.

Kita lihat bagaimana agama menganjurkan supaya kanak-kanak yang baharu lahir, diperdengarkan pada telinganya azan dan iqamat, yang berisi ucapan *Allāhu akbar, Allāhu akbar, ashhadu an lā ilāha illā Allāh, ashhadu anna Muhammадan Rasūl Allāh, hayya ‘alā al-ṣalāh, hayya ‘alā al-falāh*, *Allāhu akbar* dan *lā ilāha illā Allāh*: Dengan maksud bahawa keyakinan telah mulai ditumbuhkan semenjak dari waktu pertama manusia sampai ke dunia.

Orang yang mula-mula sekali dibebani untuk memasukkan keyakinan ini kepada manusia ialah ibu bapa.

Kita sebagai orang dewasa, sebagai ketua keluarga, yang sama bertanggungjawab menyembah Allah,

bersyukur kepada Allah kerana kita telah mempunyai pegangan hidup, iaitu Islam yang dapat kita pakai sebagai alat membenteng diri kita dari kesukaran hidup.

Adakah sudah menjadi fikiran kita bagaimana anak-anak kita kelak, di mana dunia bertambah maju, bukan sahaja dalam kebaikannya, tetapi juga dalam kejahatannya? Adakah kita akan usahakan supaya anak-anak kita kelak mempunyai suatu pegangan hidup, supaya mereka jangan mudah menjadi korban kerosakan dunia?

Adakah ini tidak menjadi kewajipan kita untuk memperlengkapi anak-anak kita supaya mereka dapat bertahan dalam hidup mereka, yang akan rosak dari hidup kita sekarang?

Adakah kita sudah insaf bahawa semenjak kita mulai menjadi ketua keluarga bahawa kewajipan ini telah terletak di atas bahu kita?

Alangkah dahsyatnya, bengisnya ibu bapa yang tidak menginsafi kewajipan ini, kerana mereka seolah-olahnya membiarkan anak-anak mereka menjadi korban mangsa keadaan, kerana mereka tidak memperlengkapi mereka dengan alat-alat hidup, iaitu keyakinan kepada Allah ‘azza wa jalla.

Buruk baik nasib anak-anak kita di kemudian hari, terutama dalam keyakinan agamanya tergantung kepada kita ibu bapa seperti yang disabdakan Nabī *sallā Allāhu ‘alayhi wasallam*, maksudnya:

“Tidak ada anak yang dilahirkan, melainkan lahir dalam keadaan suci, maka orang tuanya lah yang menjadikan dia Yahudi atau Nasrani atau Majusi, sebagaimana seekor binatang yang lahir, tidak cacat, tetapi kitalah yang mencacatkannya dengan memotong salah satu anggotanya.”

Sampai di sini saya perlu mengulangi beberapa kesimpulan, mudah-mudahan menjadi keyakinanlah kepada kita panduan Allah yang terkandung di dalam firman-Nya yang bermaksud seperti berikut:

1. Sembahlah Tuhan engkau hingga timbul padamu keyakinan.
2. Keyakinan kepada Allah itu tidak mudah timbul.
3. Keyakinan kepada Allah itu hanya akan timbul bila kita menyembah-Nya.
4. Keyakinan kepada Allah hanya akan timbul bila kita terus-menerus menyembah-Nya.
5. Jalan yang utama dalam menyembah Tuhan ialah mengerjakan sembahyang lima kali sehari semalam.
6. Kitalah sebagai ibu bapa orang yang diwajibkan mengajar anak kita sembahyang dengan memperlihatkan kepada mereka bahawa kita juga sembahyang.
7. Kitalah orang yang diajibkan<sup>1</sup> mengajar anak-anak kita sembahyang dengan menyediakan waktu untuk mengajarkan mereka bacaan sembahyang.
8. Kitalah orang yang diwajibkan supaya pada tiap-tiap waktu mengajak anak-anak sembahyang.
9. Kitalah sebagai orang tua yang bertanggungjawab atas buruk baiknya anak-anak kita di kemudian hari terutama mengenai keyakinan agamanya.
10. Akan sukarlah seseorang mengerjakan sembahyang bila dari kecil dia belum pernah belajar sembahyang serta mengerjakannya.

11. Kita sebagai orang tua tidak boleh membiarkan anak-anak kita tidak beragama.

12. Kita tidak boleh membiarkan anak-anak kita dimasuki faham-faham, fikiran-fikiran yang tidak berketentuan.

13. Kita sebagai ketua keluarga hendaklah menyediakan untuk memimpin keluarga kita termasuk anak-anak kita sesuai dengan firman Allah *Ta'ālā*:

*Qū anfusakum wa ahlīkum nārā* (Jagalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka).

Camkanlah ini semuanya, mudah-mudahan kita dapat hidup di dunia ini dalam keredhaan Allah 'azza wa jalla.

“Akan engkau maki-maki lagi Muḥammad?

Aku telah beragama dengan agama Muḥammad dan akan aku ucapkan apa yang diucapkan Muḥammad. Kalau engkau berani cuba balas pukulanku” – Ini ialah perkataan Ḥamzah ibn ‘Abd al-Muṭṭalib ketika memukul Abū Jahal.

### **Hamzah**

Pahlawan Islam yang gagah, ayah saudara Nabī! Sejarahnya ini disebut di dalam buku Syuhadā' Islam 1 dengan nama:

### **Singa Allah**

#### **Hamzah ibn ‘Abd al-Muṭṭalib**

Ceritanya bersemangat dan membawa semangat. Lihat sejarah keberaniannya. Senashkah hanya 50 sen pos 10 sen.

<sup>1</sup> diwajibkan